



Dauid 4





© 2021 Comic Bible Society, LLC

PADA TAHUN PERTAMA, SEMASA PEMERINTAHAN RAJA BELSYAZAR DAN SEMASA PEMENJARAAN DANIEL DI BABILONIA, TUHAN MEMBERI DANIEL MIMPI-MIMPI DAN PENGLIHATAN.

"AKU MELIHAT ANGIN KENCANG BERTIUP DARI SEMUA PENJURU DAN MEMUKUL PERMUKAAN LAUT DAN MUNCULLAH EMPAT BINATANG RAKSASA DARI LAUT."



"YANG PERTAMA RUPANYA SEPERTI SINGA, TETAPI MEMPUNYAI SAYAP SEPERTI SAYAP BURUNG HELANG."

"BINATANG KEDUA RUPANYA SEPERTI BERUANG. BINATANG ITU SEDANG MENGGIGIT TIGA TULANG RUSUK. LALU TERDENGAR SUARA YANG BERKATA..."



BANGUN! MAKANLAH DAGING SEBANYAK YANG KAMU SUKA!



"HAIWAN KETIGA RUPANYA SEPERTI HARIMAU BINTANG YANG MEMPUNYAI EMPAT SAYAP DAN EMPAT KEPALA."

"DAN IA KELIHATAN BERWIBAWA."

"BINATANG KEEMPAT PULA MUNCUL DARI LAUTAN-
IA SANGAT KUAT, DAHSYAT, DAN MENERIKAN."

"DENGAN GIGI BESINYA YANG BESAR,
BINATANG ITU MEREMUKKAN MANGSANYA,
LALU MENGINJAK-INJAKNYA."



"BINATANG INI LEBIH BUAS DAN GANAS
BERBANDING BINATANG-BINATANG YANG
SEBELUMNYA- DAN IA MEMPUYAI
SEPULUH BUAH TANDUK."



"SEBUAH TANDUK KECIL MUNCUL DAN
TANDUK ITU MENYINGKIRKAN TIGA
BUAH TANDUK YANG ADA DI SITU."

"TANDUK KECIL ITU MEMPUYAI MATA
SEPERTI MATA MANUSIA, DAN MULUT
YANG BERCAKAP DENGAN SOMBONG."

"DIA YANG HIDUP SELAMA-LAMANYA BERSEMAYAM
DI ATAS SALAH SEBUAH TAKHTA - BERIBU-RIBU
ORANG BERADA DI SITU UNTUK MELAYANI DIA, DAN
BERJUTA-JUTA ORANG BERTIRI DI HADAPAN-NYA."



"SESUATU SEPERTI MANUSIA MENGHAMPIRI DIA YANG HIDUP
SELAMA-LAMANYA DAN DIBERIKAN KUASA, KEHORMATAN, DAN
KEDAULATAN, AGAR ORANG DARIPADA SEMUA BANGSA, KAUM,
DAN BAHASA MENGABDIKAN DIRI KEPADANYA."

"KUASANYA AKAN KEKAL, DAN
Pemerintahannya tidak akan berakhir."

DANIEL MENGHAMPIRI SALAH
SEORANG YANG BERDIRI DI SITU ...

APAKAH MAKSUD
PENGLIHATAN ITU?

EMPAT BINATANG
YANG BESAR ITU IALAH
EMPAT BUAH KERAJAAN¹
YANG AKAN MUNCUL
DI BUMI.

TETAPI UMAT ALLAH
YANG MAHA TINGGI AKAN
MENERIMA KUASA UNTUK
MEMERINTAH SELAMA-
LAMANYA- YA, SELAMA-
LAMANYA.

¹BABILONIA - SINGA BERSAYAP MENJAGA PINTU MASUK ISTANA. BINATANG BUAS ITU MELAMBANGKAN MEDIA PERSIA. TULANG RUSUK MELAMBANGKAN KOTA YANG TELAH DITAWAN. HARIMAU BINTANG MEWAKILI GREECE - "ALEXANDER THE GREAT" DIKENALI SEBAGAI SEORANG PENAKLUK YANG PANTAS. EMPAT KEPALA MERUPAKAN EMPAT JENERALNYA YANG MEMBAHAGIKAN KERAJAANNYA SELEPAS DIA MANGKAT.

BINATANG YANG
KEEMPAT² MERUPAKAN
KERAJAAN KEEMPAT
YANG AKAN MUNCUL DI BUMI -
LEBIH KEJAM BERBANDING
KERAJAAN YANG LAIN.

KERAJAAN ITU AKAN
MENGHANCURKAN
SELURUH BUMI SERTA
MENGINJAK-
INJAKNYA.

²BINATAG YANG KEEMPAT DENGAN GIGI
BESI MELAMBANGKAN EMPAYAR ROM.

SEPULUH TANDUK
ITU IALAH SEPULUH
ORANG RAJA YANG AKAN
MEMERINTAH
KERAJAAN ITU.

KEMUDIAN SEORANG
RAJA LAIN AKAN MUNCUL³
DAN AKAN MUSNAHKAN TIGA
ORANG RAJA - MENENTANG
ALLAH YANG MAHA TINGGI
DAN MENINDAS UMAT
ALLAH.

UMAT ALLAH AKAN
DITAKLUKNYA SELAMA
TIGA TAHUN
SETENGAH.

³SEORANG ANTI-AL-MASIH
YANG KELUAR DARI EMPAYAR ROM
YANG DIHIDUPKAN SEMULA.

"TETAPI MAHKAMAH PENGADILAN SYURGA AKAN BERSIDANG DAN
MERAMPAS KUASANYA, SERTA MEMBINASAKANNYA SEHINGGA MUSNAH."

"DUA TAHUN KEMUDIAN, AKU TERDAPAT
PENGLIHATAN KEDUA, YANG LEBIH PANJANG
BERBANDING YANG PERTAMA" ¹

"DOMBA JANTAN ITU BERBUAT SESUKA
HATI DAN BERTAMBAH SOMBONG."



¹ MEDIA PERSIA, DENGAN PARSİ
MENJADI LEBIH BESAR DAN KUAT.

"SEMENTARA AKU MEMANDANG, SEEKOR KAMBING
JANTAN MELURU DARI BARAT DAN MELINTASI BUMI
DENGAN AMAT LAJU SEHINGGA KAKINYA TIDAK LAGI
MENYENTUH TANAH."²



"KAMBING JANTAN ITU MENYERANG DOMBA
JANTAN DENGAN BEGITU GANAS SEHINGGA
MENYONDOL KEDUA-DUA TANDUK DOMBA
JANTAN ITU DAN MEMATAHKANNYA."

² KEPANTASAN DAN KEKUATAN
TENTERA ALEXANDER.

"APABILA KAMBING JANTAN ITU SAMPAI PADA KEMUNCAK KEKUASAANNYA,
TANDUKNYA PATAH. SEBAGAI GANTI, MUNCUL PULA EMPAT BUAH TANDUK
YANG MENONJOL – SATU MENJADI KUAT DAN BERPERANG MENENTANG ISREAL."

"TANDUK KECIL ITU JUGA BERANI
MENCABAR PANGlima BALa TENTERA
SYURGA, MENGHENTIKAN KORBAN
HARIAN YANG DIPERSEMBAHKAN
KEPADA PANGlima ITU, DAN
MENAJISKAN RUMAH TUHAN."³



³ ANTHIOCHUS EPIPHANES MEMENUHI PENCAPAIAN INI DENGAN
MEMUSNAHKAN KUIL KORBAN DI YERUSALEM. DIA MENGORBANKAN SEEKOR
BABI DI DALAM KUIL ITU DAN MENDIRIKAN PATUNG MUSYARI DI SANA.

KEMUDIAN AKU MENDENGAR SATU MALAIKAT
BERTANYA KEPADA MALAIKAT YANG LAIN.

BERAPA LAMA
DOSa YANG KEJİ AKAN
MENGgANTIKAN
KORBAN HARIAN?

BERAPA LAMAKAH
BALa TENTERA SYURGA
DAN RUMAH TUHAN
AKAN DIINJAK-INJAK?

2,300 HARI AKAN
BERLALU DULU.





KETIKA AKU SEDANG
BERUSAHA UNTUK MEMAHAMI
MAKNA PENGLIHATAN ITU,
TIBA-TIBA SEORANG BERTDIRI
DI HADAPANKU.

GABRIEL,
TERANGKANLAH MAKNA
PENGLIHATAN ITU KEPADA
DANIEL.



AKU BEGITU TAKUT
SEHINGGA AKU
MENIARAPKAN DIRI.

HAI MANUSIA FANA,
FAHAMILAH MAKNANYA.
PENGLIHATAN ITU
TENTANG AKHIR
ZAMAN.



AKU JATUH KE TANAH DAN
TIDAK SEDAR TETAPI DIA
MEMEGANG AKU, DAN
MENOLONG AKU BERTDIRI.

PENGLIHATAN ITU
TENTANG AKHIR
ZAMAN.

DOMBA JANTAN
YANG MEMPUNYAI DUA
BUAH TANDUK, YANG
KAMU NAMPAK ITU
MELAMBANGKAN
KERAJAAN MEDIA
DAN PERSIA.

EMPAT BUAH TANDUK
YANG MUNCUL SELEPAS
TANDUK YANG PERTAMA ITU
PATAH, BERMAKNA KERAJAAN
YUNANI AKAN TERPECAH
MENJADI EMPAT KERAJAAN YANG
TIDAK SEKUAT KERAJAAN YANG
PERTAMA ITU.¹



¹ "ALEXANDER THE GREAT". SELEPAS KEMATIANNYA,
EMPAT JENERALNYA MENJADI RAJA KE ATAS EMPAT
BAHAGIAN DI EMPAYAR YUNANI.



"APABILA KEEMPAT-EMPAT KERAJAAN BERAKHIR DAN KEJAHATAN DI SITU TELAH MEMUNCAK, MAKA AKAN MUNCUL SEORANG RAJA YANG KERAS KEPALA, JAHAT, DAN LICK." 1

"DIA AKAN MENJADI KUAT, TETAPI BUKAN DENGAN KUASANYA SENDIRI." 1

1 RAMALAN INI HAMPIR DI PENUHKAN OLEH ANTIOCHUS EPIPHANES, SEORANG ANTICHRIST. RAMALAN ITU DILAKSANAKAN OLEH PIHAK ANTICHRIST. (WAHYU 13:1-10)




"OLEH KERANA KELICIKANNYA, DIA AKAN BERJAYA DALAM SEGALA PENIPUANNYA. DIA AKAN BERBANGGA DENGAN DIRINYA, DAN MEMBINASAKAN BANYAK ORANG TANPA MEMBERIKAN AMARAN."



"MALAHAN DIA AKAN BERANI MENCABAR RAJA YANG MAHA BESAR- TETAPI DIA AKAN DIKALAHKAN OLEH KUASA TUHAN, WALAUPUN TIADA SEBARANG MANUSIA YANG BOLEH MENGALAHKANNYA." 2

2 ANTIOCHUS MENINGGAL DUNIA KERANA KEGILAAN DAN PENYAKIT USUS. ANTICHRIST DAN PASUKANNYA AKAN DIKALAHKAN SEMASA PERANG ARMAGEDDON. (WAHYU 19:11-21)



"KEMUDIAN DALAM PENGLIHATAN ITU, KAMU DENGAR BAHAWA 2,300 HARI HARUS BERLALU SEBELUM PENYEMBAHAN AKAN KEMBALI LAGI." 3

3 PEMENUHAN INI BENAR. PENGANIAYAAN ANTIOCHUS EPIPHANES BERLAKU PADA 6 SEPTEMBER, 171 S.M. SEHINGGA 25 DECEMBER, 165 S.M. ORANG YAHUDI MERAIKAN PERAYAAN LAMPU (HANUKKAH) SELEPAS PEMBERSIHAN KUIL YANG DIPIMPIN OLEH JUDAS MACCABEUS.



"PENGLIHATAN INI MENYEBABKAN AKU BERASA LEMAH LALU JATUH SAKIT SELAMA BEBERAPA HARI."

"SELEPAS ITU AKU BANGUN LALU KEMBALI MELAKUKAN PEKERJAAN YANG DITUGASKAN RAJA. AKU GELISAH MEMIKIRKAN PENGLIHATAN ITU DAN TIDAK DAPAT MEMAHAMINYA."

"PADA TAHUN PERTAMA PEMERINTAHAN RAJA DARIUS, AKU PELAJARI, KOTA YERUSALEM AKAN MENJADI RUNTUHAN SELAMA 70 TAHUN, SEPERTI YANG DIFIRMANKAN TUHAN KEPADA NABI YEREMIA. 1"

"JADI SAYA BERDOA DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH KEPADA TUHAN ALLAH UNTUK MEMBEBAHKAN KAMI DAN BIARKAN KAMI KEMBALI KE TANAH KAMI SENDIRI."

¹ YEREMIA 25:11-12, 29:10

"AKU BERPUASA AND BERDOA..."

YA TUHAN ALLAH, ENKAU BESAR DAN MENEPATI PERJANJIAN-MU; ENKAU SENTIASA MENGASIHI ORANG YANG MENGASIHI ENKAU DAN YANG MENTAATI PERINTAH-MU.

KAMI TELAH BERDOSA. KAMI TELAH MELAKUKAN KEJAHATAN - KAMI TIDAK MENDENGAR NABI-NABI, HAMBA-HAMBA-MU.

ENKAU PENUH BELAS KASIHAN DAN KEAMPUNAN, WALAUPUN KAMI TELAH MEMBERONTAK TERHADAP-MU.

SEMUA KUTUKAN YANG TERTULIS DALAM TAURAT MUSA TELAH BERLAKU.

KAMI TELAH BERDOSA DAN BERBUAT KESALAHAN. ENKAU TELAH MEMBELA KAMI PADA MASA DAHULU. OLEH ITU JANGANLAH MURKA LAGI TERHADAP YERUSALEM.

DENGARKANLAH KAMI, YA TUHAN, DAN AMPUNILAH KAMI. KOTA DAN UMAT INI MILIK-MU.

"SEMASA AKU BERDOA, GABRIEL YANG AKU MELIHAT DALAM PENGLIHATANKU DAHULU ITU, TERBANG KE ARAHKU."



HAI DANIEL, AKU DATANG UNTUK MENOLONG ENKAU MEMAHAMI NUBUAT ITU. APABILA ENKAU MULA MEMOHON KEPADA ALLAH, DIA MENJAWAB PERMOHONANMU.

OLEH ITU DENGARLAH BAIK-BAIK - AKU AKAN MENERANGKAN MAKNA PENGLIHATAN ITU.




490 TAHUN IALAH JANGKA MASA YANG TELAH DITENTUKAN OLEH ALLAH UNTUK MEMBEBASKAN BANGSAMU DAN KOTAMU YANG SUCI ITU DARIPADA DOSA DAN KEJAHATAN.

KEMUDIAN KERAJAAN SOLEH YANG KEKAL AKAN BERMULA.



"DARI SAAT PERINTAH DIKELUARKAN UNTUK MEMBINA SEMULA YERUSALEM, HINGGA KEDATANGAN PEMIMPIN YANG DIPILIH OLEH ALLAH, JANGKA MASANYA IALAH 49 TAHUN ¹ TAMBAH 434 TAHUN!" ²

"YERUSALEM AKAN DIBINA SEMULA DENGAN JALAN-JALAN RAYA DAN PERTAHANAN YANG KUAT, MESKIPUN PADA ZAMAN KESUSAHAN."



¹ 49 TAHUN (7 MINGGU X 7) APABILA ARTAXERXES I MENGELUARKAN ARAHAN UNTUK MEMBINA SEMULA YERUSALEM PADA 455 S.M. INI TERMASUK PERTAHANAN YANG DIBINA OLEH NEHEMIA DAN PENGAKHIRAN PELAYANAN MALACHI DAN PENUTUPAN PERJANJIAN LAMA.

² 434 TAHUN (62 MINGGU X 7) UNTUK KEDATANGAN PERTAMA AL-MASHI - KEMASUKAN KEMENANGAN KRISTUS. (MATIUS 21:1-9)



"SELEPAS TEMPOH 434 TAHUN ITU, PEMIMPIN YANG DIPILIH OLEH ALLAH AKAN DIBUNUH WALAUPUN DIA TIDAK BERSALAH ¹, KOTA YERUSALEM DAN RUMAH TUHAN AKAN DIMUSNAHKAN OLEH PASUKAN TENTERA SEORANG RAJA YANG BERKUASA." ²

² PENYALIBAN YESUS KRISTUS.

³ PADA 70 M. TITUS MEMUSNAHKAN KUIL DI YERUSALEM DAN MEMBUNUH 1 JUTA ORANG YAHUDI, MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA RAMALAN INI.

"AKHIR JANGKA MASA AKAN TIBA SEPERTI BANJIR YANG MEMBAWA PEPERANGAN DAN KEMUSNAHAN YANG TELAH DITENTUKAN OLEH ALLAH."


"RAJA ITU AKAN BUAT PERJANJIAN YANG KUKUH DENGAN BANYAK ORANG SELAMA TUJUH TAHUN. PADA PERTENGAHAN JANGKA MASA ITU, RAJA ITU AKAN MENGHENTIKAN SEGALA KORBAN DAN PERSEMBAHAN KEPADA TUHAN." ³



³ ANTICHRIST AKAN MEMENUHI RAMALAN INI. DIA AKAN MEMUTUS PERJANJIANNYA DENGAN ORANG YAHUDI DAN AKAN MENCEMARI TEMPAT PENYEMBAHAN TUHAN DENGAN MELETAKKAN SEBUAH PATUNG DIRINYA UNTUK DISEMBAH. (WAHYU 13:14-18)

DANIEL 9:24-27

"TETAPI DALAM MASA DAN RANCANGAN YANG DITENTUKAN OLEH TUHAN, PENGHAKIMAN AKAN DITENTUKAN OLEH TUHAN UNTUK ORANG INI." ⁴



⁴ APABILA YESUS KRISTUS KEMBALI UNTUK MASA KEDUA, AL-MASIH AKAN MEMUSNAHKAN ANTICHRIST DAN TENTERANYA. (WAHYU 19:11-21)

PADA TAHUN KETIGA PEMERINTAHAN RAJA KORES, DANIEL MENDAPATI SATU LAGI PENGLIHATAN TENTANG KESENGSARAAN YANG DASYAT.

"KETIKA ITU AKU BERKABUNG SELAMA TIGA MINGGU, AKU TIDAK MAKAN DAGING; AKU TIDAK MINUM WAIN ATAUPUN MENYIKAT RAMBUTKU."



"AKU BERDIRI DI TEBING SUNGAI TIGRIS LALU MELIHAT SEORANG YANG MEMAKAI PAKAIAN LINEN DAN IKAT PINGGANG YANG DIBUAT DARIPADA EMAS TULEN. MUKANYA SETERANG KILAT, DAN MATANYA MENYALA-NYALA SEPERTI API. SUARANYA SEPERTI RIUH ORANG RAMAI."¹



¹ GAMBARAN PENAMPILAN YESUS KRISTUS.

"AKU SEORANG SAHAJA YANG MELIHAT PENGLIHATAN ITU. ORANG YANG BERSAMA-SAMAKU KETAKUTAN DAN MENYEMBUNYIKAN DIRI."



"AKU TIDAK BERDAYA LAGI, DAN MUKAKU MENJADI PUCAT."

"APABILA AKU MENDENGAR SUARANYA, AKU JATUH TERTIARAP DI TANAH DAN TIDAK SEDAR."



AHHNNN...

"KEMUDIAN ADA TANGAN YANG MEMEGANG AKU DAN MENOLONG AKU BANGUN SAMBIL BERTUMPU PADA LUTUT DAN TANGAN."



HAI DANIEL, ALLAH MENGASIHI ENKAU. BANGUN DAN DENGARLAH BAIK-BAIK PERKATAANKU INI.



HAI DANIEL,
JANGANLAH TAKUT. ALLAH
TELAH MENDENGAR DOAMU
SEJAK HARI PERTAMA ENKAU
BERTEKAD MERENDAHKAN DIRI
UNTUK MENDAPATKAN
PENGERTIAN.

MALAIKAT
PELINDUNG KERAJAAN
PERSIA MENENTANG AKU
SELAMA 21 HARI. KEMUDIAN
MIKHAEL, SALAH SATU PEMIMPIN
MALAIKAT, DATANG
MENOLONG AKU.

AKU DATANG UNTUK
MEMBOLEHKAN ENKAU
MEMAHAMI HAL YANG AKAN
BERLAKU KEPADA BANGSAMU.
PENGLIHATAN ITU TENTANG
MASA DEPAN.

KETIKA DIA
MENGATAKAN HAL ITU...
AKU MENUNDUKKAN
MUKA - AKU TERPEGUN.

KEMUDIAN DIA
MENYENTUH AKU -
DAN AKU BERASA
LEBIH KUAT.

ALLAH
MENGASIHI
ENKAU, JANGAN
TAKUT DAN
JANGAN CEMAS
TENTANG
APA-APA!

AKU DATANG UNTUK
MENYATAKAN KANDUNGAN
"KITAB KEBENARAN"
KEPADA ENKAU.

SEKARANG AKU
MESTI PULANG DAN
MELAWAN MALAIKAT
PELINDUNG PARSİ -
DAN SELEPAS ITU
MALAIKAT PELINDUNG
KERAJAAN YUNANI.

TIADA SESIAPA
AKAN MENOLONG
AKU KECUALI
MIKHAEL, MALAIKAT
PELINDUNG
ISRAEL.

"AKU DIHANTAR UNTUK MENGUATKAN
DAN MEMBANTU DARIUS PADA TAHUN
PERTAMA PEMERINTAHANNYA – DAN KINI
AKAN TUNJUKKAN APA AKAN BERLAKU
PADA MASA DEPAN."

"TIGA ORANG RAJA LAGI AKAN
MEMERINTAH, DIKUTI OLEH RAJA
KEEMPAT YANG AKAN MENCABAR
KERAJAAN YUNANI." ¹

¹ KEMUNGKINAN, XERXES (486-465 B.C.)
YANG MELANCARKAN SERANGAN PENUH
TERHADAP KERAJAAN YUNANI.

"KEMUDIAN SEORANG RAJA
YANG PERKASA AKAN MUNCUL
DI YUNANI. DIA AKAN
MEMERINTAH SEBUAH KERAJAAN
YANG BESAR DAN BERBUAT
SESUKA HATINYA – TETAPI PADA
KEMUNCAK KEKUASAANNYA,
KERAJAANNYA AKAN PECAH
DAN TERBAHAGI EMPAT." ²

² KERAJAAN "ALEXANDER THE GREAT"
DIBAHAGI DI ANTARA EMPAT JENERALNYA.

"SELEPAS BEBERAPA TAHUN, RAJA MESIR AKAN MENGIKAT
PERJANJIAN UNTUK BERSEKUTU DENGAN RAJA SIRIA,
DAN MENGAHWINKAN PUTERINYA DENGAN RAJA ITU." ³

³ PADA 252 S.M. PTOLEMY II DARI MESIR MEMBERI ANAK PEREMPUANNYA, BERENICE UNTUK DIKAHWINKAN KEPADA
ANTIOCHUS II DARI SIRIA UNTUK MEMBERESKAN PERJANJIAN KEAMANAN ANTARA DUA KERAJAAN MEREKA.

"TETAPI APABILA SAUDARA LELAKINYA MENJADI RAJA
MESIR, DIA AKAN MENYERANG TENTERA RAJA SIRIA
DAN MENGALAHKANNYA." ⁴

⁴ SAUDARA BERENICE, PTOLEMY III
EUERGETES (242-222 S.M.) MENAWAN SYRIA.



"KEMUDIAN RAJA SIRIA AKAN MENYERANG NEGERI MESIR, TETAPI RAJA ITU AKAN DIPUKUL MUNDUR."¹

¹ RAJA SIRIA, SELEUCUS II.



"KEMUDIAN RAJA MESIR AKAN MENJADI SANGAT MURKA, DAN AKAN BERPERANG DENGAN RAJA SIRIA DAN MENGALAHKAN PASUKAN TENTERANYA YANG BESAR ITU."²

² PTOLEMY IV PHILOPATOR (223-203 S.M.) MENGALAHKAN TENTERA ANTIOCHUS III THE GREAT.



"BEBERAPA TAHUN KEMUDIAN, RAJA SIRIA AKAN PULANG DAN MEMBENTUK PASUKAN TENTERA YANG LEBIH BESAR DARIPADA YANG PERTAMA DAN BANYAK BANGSA AKAN MENGIKUTINYA DAN MEMBERONTAK MENENTANG MESIR."

"DAN DIA JUGA AKAN MENAWAN TANAH INDAH (ISRAEL) DAN MENJARAHNYA."³

³ 13 TAHUN KEMUDIAN, ANTIOCHUS III KEMBALI DENGAN PASUKAN TENTERA YANG KUAT DAN MENGALAHKAN MESIR.



"UNTUK MENGUASAI KERAJAAN MUSUHNYA, RAJA ITU AKAN BUATKAN SEBUAH RANCANGAN PERSETUJUAN DENGAN MUSUHNYA ITU DAN MENGAWINKAN PUTERINYA DENGAN MUSUH, DENGAN HARAPAN PUTERINYA AKAN MENOLONGNYA DARI WILAYAH MUSUH."

"TETAPI RANCANGAN ITU TIDAK AKAN BERJAYA."⁴

⁴ ANTIOCHUS, YANG MENDAPAT TEKANAN DARI ROM, MENAWARKAN ANAK PEREMPUANNYA CLEOPATRA UNTUK BERKAHWIN DENGAN PTOLEMY V, DENGAN HARAPAN INI AKAN MENOLONGNYA MENAKLUKKI MESIR. TETAPI SEBALIKNYA, ANAK PEREMPUANNYA MENYELEBAHI SUAMINYA.

"SELEPAS ITU RAJA SIRIA AKAN MENYERANG BANGSA-BANGSA YANG TINGGAL DI TEPI LAUT, DAN MENAKLUKI BANYAK BANGSA, TETAPI SEORANG PEMIMPIN BANGSA ASING AKAN MENGALAHKAN RAJA SIRIA DAN MEMBALAS HINAANNYA."¹



¹ JENERAL LUCIUS SCIPIO ASIATICUS MENGALAHKAN ANTIOCHUS III DAN DALAM PERJALANAN PULANG, DIA DIBUNUH.

"DIA AKAN DIGANTIKAN OLEH SEORANG RAJA DAN RAJA ITU AKAN MENGUTUS SEORANG PEGAWAI UNTUK MEMAKSA RAKYAT ISRAEL MEMBAYAR CUKAI, TETAPI DALAM MASA SINGKAT RAJA ITU SECARA MISTERI AKAN MATI - TETAPI BUKAN SECARA TERANG-TERANG DAN BUKAN DALAM PEPERANGAN."²

² SELEUCUS IV PHILOPATOR MEMAKSA RAKYAT MEMBAYAR CUKAI DENGAN TUJUAN MENAMBAH KEKAYAAN KERAJAANNYA, TETAPI DIA DIBUNUH, KEMUNGKINAN BESAR, DIRACUN.



"RAJA SIRIA YANG BERIKUT ADALAH ORANG YANG JAHAT. DIA AKAN DATANG DENGAN TIBA-TIBA DAN AKAN MERAMPAS KUASA DENGAN TIPU DAYA."³

"DIA AKAN MEMBUAT RANCANGAN UNTUK MENYERANG KOTA-KOTA YANG BERKUBU, TETAPI WAKTUNYA AKAN HABIS DENGAN CEPAT."³



³ ANTIOCHUS EPIPHANES IV.

"RAJA-RAJA UTARA DAN SELATAN AKAN DUDUK DAN MAKAN BERSAMA-SAMA ATAS SATU MEJA, TETAPI NIAT MEREKA JAHAT. MEREKA AKAN MENIPU SATU SAMA LAIN."⁴

"TETAPI MEREKA TIDAK AKAN BERJAYA KERANA MASA YANG DITETAPKAN OLEH TUHAN BELUM SAMPAI."




⁴ KEDUA-DUA PTOLEMY DARI MESIR DAN ANTIOCHUS MENIPU DI MEJA MAKAN DAN KEMUDIAN DUA PEMERINTAH MESIR BERGABUNG UNTUK MENGHALANG RANCANGAN ANTIOCHUS.

"TIDAK LAMA KEMUDIAN, RAJA SIRIA AKAN MENYERANG MESIR LAGI, TETAPI KALI INI ROMA AKAN DATANG DENGAN KAPAL-KAPAL LAUT DAN MEMERANGI RAJA SIRIA, DAN MENYEBABNYA MENGUNDUR DIRI DAN PULANG." ¹



¹ SEBUAH ARMADA ROMA DARI CYPRUS BERPIHAK DENGAN MESIR DAN ANTIOCHUS MELEPAS DENDAMNYA DENGAN MENYERANG YERUSALEM.

"KERANA DIA MURKA, RAJA UTARA AKAN MEROMPAK YERUSALEM DAN MENCEMARAKAN RUMAH TUHAN." ²



² ANTIOCHUS MENCEMARAKAN RUMAH TUHAN DAN MENCABUL CARA PENGORBANAN, MEMBUNUH 80,000 ORANG, MENGAMBIL 40,000 ORANG SEBAGAI TAWANAN DAN MENJUAL 40,000 ORANG SEBAGAI HAMBA.

"MEREKA YANG TIDAK MENGIKUTI TUHAN AKAN DIBERIKAN KUASA - ORANG-ORANG YANG TELAH MENINGGALKAN KEPERCAYAAN BAPA MEREKA. TETAPI UMAT YANG MENGENALI TUHAN AKAN MENJADI KUAT DAN AKAN MELAKUKAN PERKARA-PERKARA YANG HEBAT." ³



³ TERDAPAT ORANG YAHUDI YANG BERPAKAT DENGAN ANTIOCHUS TETAPI MEREKA YANG SETIA KEPADA TUHAN MENDAPAT KEJAYAAN HEBAT DI BAWAH JUDAS MACCABEUS.

PERKARA ITU AKAN BERLANGSUNG SEHINGGA AKHIR JANGKA MASA YANG TELAH DITENTUKAN OLEH ALLAH.



"RAJA SIRIA AKAN BERBUAT SESUKA HATI; DIA MENGANGGAP DIRINYA LEBIH BESAR DARIPADA DEWA MANA-MANA PUN, BAHKAN LEBIH BERKUASA DARIPADA ALLAH YANG MAHA TINGGI - RAJA ITU BERBUAT DEMIKIAN SEHINGGA TIBA WAKTUNYA ALLAH MENGHUKUM DIA."

"APABILA PENGAKHIRAN KEKUASAAN RAJA SIRIA
TIBA, RAJA MESIR AKAN MENYERANG DIA. TETAPI
RAJA SIRIA AKAN MEMBALAS SERANGAN ITU
DENGAN SEGENAP KEKUATANNYA."

"RAJA SIRIA AKAN MENYERANG BANYAK
NEGERI, BAHKAN MENYERANG TANAH YANG
PERMAI TERMASUK ISRAEL DAN
MENGALAHKAN BANYAK KERAJAAN."

"KEMUDIAN BERITA DARI TIMUR DAN UTARA AKAN
MENCEMASKAN RAJA SIRIA, DAN DIA AKAN BERPERANG
DENGAN SENGIT SERTA MEMBUNUH BANYAK ORANG."

"DIA AKAN BERHENTI DI ANTARA YERUSALEM
DAN DI ANTARA LAUT TETAPI RAJA SIRIA AKAN
MENEMUI AKHIR RIWAYATNYA, DAN TIADA
SEORANG PUN AKAN MENOLONG DIA."

<https://subspila.scribd.com/document/42676827>

"PADA MASA ITU, MALAIKAT BESAR, IAITU MIKHAEL PELINDUNG
BANGSAMU AKAN MUNCUL DAN AKAN MELAWAN ANGKATAN
SAYITAN UNTUK-MU DI SYURGA."

"KETIKA ITU, AKAN ADANYA KESUSAHAN YANG PALING BERAT
SEJAK BANGSA-BANGSA WUJUD. PADA MASA ITU, SEMUA
ORANG DARIPADA BANGSAMU YANG NAMANYA TERTULIS
DI DALAM KITAB ALLAH AKAN DISELAMATKAN."

"BANYAK ORANG YANG SUDAH
MATI AKAN HIDUP SEMULA:
ADA YANG AKAN MENIKMATI
KEHIDUPAN KEKAL, ADA
PULA YANG AKAN MENDERITA
DENGAN HIJAUAN KEKAL."

"PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG BIJAKSANA AKAN BERSINAR SEPERTI
LANGIT YANG CERAH, DAN MEREKA YANG MENGAJAR ORANG BERBUAT
BAIK DAN ADIL AKAN BERSINAR SEPERTI BINTANG SELAMA-LAMANYA."

"TUTUP DAN METERAIKAN KITAB ITU, SEHINGGA AKHIR ZAMAN. BANYAK ORANG AKAN CUBA MEMAHAMI HAL YANG SEDANG BERLAKU, TETAPI USAHA MEREKA SIA-SIA SAJA."

"SELEPAS ITU, SAYA, DANIEL, NAMPAK DUA ORANG LELAKI, SATU BERTENDI DI TEBING SUNGAI DI SEBELAH SINI, DAN YANG SATU LAGI DI SEBELAH SANA."

DEMI NAMA ALLAH YANG KEKAL - SETELAH PENGANIAYAAN TERHADAP UMAT ALLAH BERAKHIR, MAKA KEJADIAN-KEJADIAN YANG AJAIB ITU PUN AKAN BERAKHIR - DALAM TIGA TAHUN SETENGAH.

HAI DANIEL, ENKAU HARUS PERGI SEKARANG, KERANA KATA-KATA ITU MESTI DIRAHSIAKAN SEHINGGA AKHIR ZAMAN.

"BANYAK ORANG AKAN DIUJI DAN DIMURNIKAN."


"ORANG JAHAT TIDAK AKAN MENGETI; MEREKA AKAN MENERUSKAN KEJAHATAN MEREKA."

Casino
Live girls
PEEP
GIRLS
GIRLS
GIRLS

"HANYA ORANG BIJAKSANA AKAN MENGETI."

BERBAHAGIALAH ORANG YANG TETAP SETIA SEHINGGA 1,335 HARI ITU TELAH BERLALU! ?

² PERBEZAAN 45-HARI ITU MUNGKIN MERUPAKAN MASA PERALIHAN DARIPADA BENCANA-BENCANA DASYAT INI KEPADA PENUBUHAN KERAJAAN ALAF KRISTUS.



"SEJAK MASA KORBAN HARIAN DIHENTIKAN, IAITU SEJAK 'BENCANA YANG DAHSYAT' ¹ ITU, 1,290 HARI AKAN BERLALU."

¹ PATUNG ANTICHRIST DI TEMPAT SEMBAHYANG ORANG YAHUDI.

"ENGKAU DANIEL, HARUS SETIA SAMPAI AKHIR. ENGKAU AKAN MENINGGAL."



"TETAPI ENGKAU AKAN BANGKIT UNTUK MENERIMA GANJARANMU PADA AKHIR ZAMAN."



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV